

PSB - Bahagian Arkib

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Thursday, 4 April, 2019 11:09 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Semangat 'Esprit De Corps' Pelajar Asasi Pengurusan Bantu Komuniti Mukim Gunung



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

4 APRIL 2019 / 28 REJAB 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Berita dan gambar oleh: Pusat Asasi Pengurusan

SEMANGAT 'ESPRIT DE CORPS' PELAJAR ASASI PENGURUSAN BANTU KOMUNITI MUKIM GUNONG



UUM ONLINE: Alor Setar - Semangat '*esprit de corps*' jelas terpancar dalam diri 204 pelajar Program Asasi Pengurusan Sesi 2018/2019 bersama komuniti Mukim Gunong pada program *Asasi-JITU Community Engagement Towards Integrity Building to Gunung Keriang*, baru-baru ini.

Program berimpak tinggi anjuran Pusat Asasi Pengurusan itu turut mendapat kerjasama Jabatan Integriti dan Tadbir Urus (JITU) Negeri Kedah, Pejabat Penghulu Mukim Gunong, Pejabat Kesihatan Daerah Kota Setar, Majlis Bandaraya Alor Setar, Wisma Idaman, SMK Seri Gunong, Masjid Nurul Iman dan komuniti Mukim Gunong.

Pengarah Pusat Asasi Pengurusan, Prof. Madya Dr. Munif Zariruddin Fikri Nordin berkata, berkonsepkan gotong-royong, aktiviti dimulakan dengan membersihkan dan mengecat di kawasan masjid, tanah perkuburan, sekolah dan kawasan kampung berdekatan, diikuti aktiviti larvaciding dan pemeriksaan pemusnahan tempat pembiakan jentik-jentik bersama Pejabat Kesihatan Daerah Kota Setar.

Menurutnya, objektif program kemasyarakatan di Gunung Keriang itu adalah untuk memberi peluang kepada pelajar Program Asasi Pengurusan untuk menzahirkan penghayatan kemahiran insaniah dalam bentuk kerja-kerja kebajikan.

Di samping itu, program tersebut menyediakan platform kepada pelajar untuk mempelajari, menimba pengalaman, menyesuaikan diri dan menyantuni komuniti, khususnya di Mukim Gunong.

Penolong Pengarah JITU, Mohd Afiq Azizi yang mewakili Pengarah berkata, pelajar Pusat Asasi Pengurusan UUM telah melaksanakan program khidmat masyarakat dengan jayanya.

"Sesungguhnya, kejayaan dalam akademik sahaja tidak mencukupi, ia perlu seiring dengan dengan kecemerlangan sahsiah, justeru, dekatilah masyarakat supaya dapat membantu menguatkan jati diri anda," katanya.

Beliau turut menyampaikan ceramah bertajuk 'Integriti dan Pembentukan Jati Diri' dan menyerahkan sumbangan kepada 20 orang penerima terdiri daripada keluarga asnaf dan pelajar-pelajar sekolah terpilih.

Majlis penutupan program diserikan dengan gimik penanaman pokok di pekarangan SMK Seri Gunong yang turut dihadiri Penghulu Mukim Gunong, Mohd Huzaimi Abd Ghani; Timbalan Pengarah Pembangunan Pelajar, Pusat Asasi Pengurusan, Dr. Mohamed Ali Haniffa, wakil-wakil JITU dan UUM serta komuniti setempat.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
04-928 5048/5049/5052/5061
04-928 3053
ukum@uum.edu.my
Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.